

Pembiayaan Margin Saham Hong Leong – Kempen SMF Double Rebate Campaign

Terma & Syarat **TEMPOH KEMPEN**

Tarikh dikemaskini pada 1 April 2017

1. Kempen "SMF Double Rebate Campaign" ("Kempen") Hong Leong Bank Berhad ("HLB") ini bermula pada **1 November 2016** dan tamat pada **30 Jun 2017**, termasuk kedua-dua tarikh ("Tempoh Kempen"), kecuali dinyatakan sebaliknya

KELAYAKAN

2. Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan HLB yang membuat permohonan baru untuk Pembiayaan Margin Saham Hong Leong ("Fasiliti") sepanjang Tempoh Kempen ("Pelanggan Layak").
3. Individu yang berikut TIDAK layak menyertai promosi ini:
 - (i) Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan, menyalahi undang-undang tindakan salahlaku dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB, telah diisyiharkan muflis (menurut petisyen sama ada oleh bank-bank atau mana-mana pihak ketiga) atau tertakluk kepada apa-apa prosiding kebankrapan pada bila-bila masa sebelum atau sepanjang Tempoh Kempen;
 - (ii) Pelanggan yang telah melakukan, atau didapati oleh HLB berkemungkinan untuk melakukan mana-mana kesalahan seperti yang tertera di atas.
 - (iii) Pelanggan yang membuat permohonan Fasiliti ini untuk pembiayaan Skim Opsyen Syer Pekerja (ESOS) dan Saham Terbitan Awam (IPO)
 - (iv) Pelanggan SMF semasa yang membuat permohonan tambah nilai pada Fasiliti yang sedia ada.
 - (v) Pelanggan semasa yang telah menutup akaun SMF terdahulu dan telah membuat permohonan pembukaan akaun SMF yang baharu dalam tempoh kurang dari setahun daripada tarikh penutupan akaun SMF terdahulu .
 - (vi) Pekerja HLB sama ada secara tetap atau secara kontrak.

MEKANIK KEMPEN

4. Pelanggan yang menerima dan mengaktifkan Fasiliti tersebut dalam tempoh kempen adalah layak untuk Rebat Faedah dan Rebat Bayaran Broker ("Pelanggan Layak"):
 - i. **Rebat Faedah**
 - Pelanggan Layak akan mendapat rebat faedah yang sebanyak 25% pada bayaran faedah (Rebat Faedah) yang dikenakan selama tiga (3) bulan daripada Tarikh Penerimaan Fasiliti ("Tarikh Penerimaan Fasiliti").
 - ii. **Rebat Bayaran Broker**
 - Pelanggan Layak akan mendapat rebat bayaran broker yang sebanyak 25% pada yuran broker ("Rebat Bayaran Broker") yang dikenakan selama tiga (3) bulan daripada tarikh penerimaan Fasiliti.
5. Untuk tujuan Kempen ini, Pelanggan Layak yang **menggunakan** Fasiliti ini pada bila-bila masa dan semasa Tempoh Kempen selepas Tarikh Penerimaan Fasiliti adalah berhak mendapat Rebat Faedah dan Rebat Bayaran Broker mengikut mekanik yang dinyatakan di atas.
6. Rebat Faedah dan Rebat Bayaran Broker bagi setiap bulan akan dibayar balik ke dalam akaun Fasiliti Pelanggan Layak pada penghujung bulan berikutnya. Rebat tersebut akan tertera di dalam penyata bulanan.
7. Untuk mengelakkan keraguan, bayaran Rebat Faedah dan Rebat Bayaran Broker akan dihadkan pada jumlah minimum RM5 dan Pelanggan Layak adalah tidak berhak kepada amaun rebat yang kurang daripada RM5 pada kategori Rebat Faedah dan Rebat Bayaran Broker.

8. Ilustrasi pengiraan rebat bagi tiga (3) bulan pertama dari Tarikh Penerimaan Fasiliti adalah dilampirkan di dalam jadual di bawah:

Contoh:

Tarikh Penerimaan Fasiliti : 15 Nov 2016

* Nombor berikut adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja

Tempoh	Faedah yang Dikenakan (RM)	Rebat Faedah (%)	Rebat Faedah (RM)	Kelayakan (Ya / Tidak)	Bayaran Broker yang Dikenakan (RM)	Rebat Bayaran Broker (%)	Rebat Bayaran Broker (RM)	Kelayakan (Ya / Tidak)	Jumlah Dibayar (RM)
Bulan 0: 15-30 Nov 16	10	25%	3	Tidak	50	25%	13	Ya	13
Bulan 1: 1-31 Dec 16	500	25%	125	Ya	120	25%	30	Ya	155
Bulan 2: 1-31 Jan 17	2,500	25%	625	Ya	550	25%	138	Ya	763
Bulan 3: 1-28 Feb 17	5,000	25%	1,250	Ya	1,500	25%	375	Ya	1,625

9. Pelanggan Layak diberi tempoh satu (1) bulan dari tarikh tamat Tempoh Kempen, iaitu sehingga 31 Julai 2017 akan diberikan kepada Pelanggan Layak bagi tujuan penerimaan Fasiliti pada permohonan yang dikemukakan semasa Tempoh Kempen.

TERMA AM

10. Kempen ini adalah tidak sah dan tidak boleh digunakan bersama-sama dengan mana-mana kempen berterusan lain yang berkaitan dengan pembiayaan Margin Saham yang ditawarkan oleh HLB dari semasa ke semasa, melainkan diberitahu sebaliknya.

11. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak;

- a) telah membaca dan memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat Kempen;
- b) bersetuju melayari web HLB di www.hlb.com.my untuk mendapatkan maklumat terkini tentang sebarang pertukaran atau perubahan terma dan syarat berkenaan Kempen ini;
- c) bersetuju bahawa semua rekod dicatatkan dalam sistem HLB untuk kempen ini adalah tepat dan muktamad;
- d) bersetuju bahawa keputusan pihak Bank ke atas perkara berkaitan Kempen, termasuk melucutkan kelayakan Pelanggan Layak atas apa jua sebab sekalipun yang dianggap wajar oleh HLB, adalah muktamad bagi semua pelanggan dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan tersebut tidak akan dilayan;
- e) bersetuju bahawa semua permohonan untuk fasiliti tersebut adalah tertakluk kepada penilaian kredit dan kelulusan HLB.

12. HLB berhak :

- (a) untuk menolak apa-apa permohonan untuk fasiliti yang dikemukakan mengikut budi bicara pihak Bank dan keputusan adalah mutlak;
- (b) membatalkan penyertaan mana-mana Pelanggan Layak atas sebarang sebab di atas budi bicara yang dianggap wajar oleh HLB, menurut budi bicaranya yang mutlak daripada mengambil bahagian dalam Kempen ini dan/atau untuk mendapatkan Rebat Faedah / Rebat Bayaran Broker; dan
- (c) untuk menambah, menggugurkan, menggantung atau mengubah terma dan syarat yang terkandung di sini pada bila-bila masa, secara keseluruhan atau sebahagian mengikut budi bicaranya dengan menyiaran di laman web HLB, atau dalam apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh pihak Bank dengan memberi notis kepada pelanggan mengenai penambahan, pemotongan atau pindaan terhadap terma dan syarat tersebut

13. Pelanggan Layak adalah bertanggungjawab dan hendaklah secara peribadi menanggung semua cukai yang berkenaan, bayaran kerajaan atau sebarang bayaran yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang, jika ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam kempen ini.
14. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan di antara T&Cs di sini berbanding dengan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan dengan atau berhubung dengan Kempen ini, terma dan syarat muktamad dalam Laman Web HLB akan diutamakan.
15. Terma dan syarat yang terkandung di sini adalah tertakluk dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pelanggan Layak bersetuju menyerahkan kepada bidang kuasa tidak eksklusif Mahkamah Malaysia